

## **KEPENTINGAN PENGETAHUAN GURU DALAM PELAKSANAAN PEDAGOGI TERBEZA DI PRASEKOLAH**

*[The Importance of Teacher's Knowledge in the Implementation of Differentiated Pedagogy in Preschool]*

Norliza Ahmad<sup>1\*</sup> & Zaharah Osman<sup>2</sup>

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

[norliza79ahmad@gmail.com](mailto:norliza79ahmad@gmail.com)<sup>1</sup>, [zaharah@fpm.upsi.edu.my](mailto:zaharah@fpm.upsi.edu.my)<sup>2</sup>

\*Corresponding Author

**Received:** 06 Ogos 2024; **Accepted:** 22 November 2024; **Published:** 03 Januari 2025

**To cite this article (APA):** Ahmad, N., & Osman, Z. Kepentingan pengetahuan guru dalam pelaksanaan pedagogi terbeza di prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(1), 1–12. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.1.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.1.2025>

### **ABSTRAK**

Pengetahuan dan kefahaman guru prasekolah tentang kecerdasan pelbagai murid memainkan peranan penting dalam meningkatkan amalan pedagogi terbeza yang memenuhi keperluan serta kebolehan murid yang pelbagai. Kertas konsep ini bertujuan meneroka kepentingan pengetahuan dan kefahaman guru terhadap konsep pedagogi terbeza dan hubungannya dengan kecerdasan pelbagai murid dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Hasil analisis daripada sorotan kajian literatur menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman guru terhadap kecerdasan pelbagai murid seperti yang dicadangkan oleh Howard Gardner, secara langsung mempengaruhi pemilihan strategi pedagogi terbeza. Penemuan ini juga menegaskan bahawa amalan pedagogi guru dengan mengambil kira pengetahuan tersebut dapat menyokong perkembangan holistik murid di dalam kelas. Artikel ini turut mendedahkan pemahaman guru yang mendalam tentang profil kecerdasan murid dapat memilih strategi pengajaran yang sesuai malah bukan sahaja memenuhi keperluan kognitif dan minat murid, tetapi juga memupuk persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan dan bermakna. Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pedagogi terbeza di prasekolah, guru perlu diberikan latihan yang lebih komprehensif mengenai kecerdasan pelbagai untuk diintegrasikan dalam pengajaran harian mereka. Kajian ini juga mencadangkan perlunya penyediaan sumber yang mencukupi dan sokongan berterusan untuk guru bagi mengatasi cabaran dalam melaksanakan pedagogi terbeza.

**Kata kunci:** Pedagogi terbeza, kecerdasan pelbagai murid, prasekolah

### **ABSTRACT**

*The knowledge and understanding of preschool teachers about the multiple intelligences of students play an important role in enhancing differentiated pedagogical practices that meet the diverse needs and abilities of students. This concept paper aims to explore the importance of teachers' knowledge and understanding of the concept of differentiated pedagogy and its relationship with students' multiple intelligences in the implementation of teaching and learning in preschool. The results of the analysis from the literature review indicate that teachers' knowledge and understanding of multiple intelligences, as proposed by Howard Gardner, directly influence the selection of differentiated pedagogical strategies. These findings also emphasize that teachers' pedagogical practices, taking this knowledge into account, can support the holistic development of students in the classroom. This article also reveals that teachers' deep understanding of students' intelligence profiles can help them choose appropriate teaching strategies that not only meet students' cognitive needs and interests but also foster a more effective and meaningful learning environment. The implications of this study suggest that to enhance the*

*effectiveness of differentiated pedagogy implementation in preschool, teachers need to be provided with more comprehensive training on multiple intelligences to be integrated into their daily teaching. This study also suggests the need for adequate resource provision and ongoing support for teachers to overcome the challenges in implementing differentiated pedagogy.*

**Keywords:** *Differentiated pedagogy, multi-student intelligence, preschool*

## **PENGENALAN**

Sistem pendidikan yang berkesan turut mempengaruhi pembangunan generasi manusia dan masyarakat yang bermutu tinggi (Sin & Hamid, 2024). Pendidikan awal kanak-kanak turut menyumbang kepada kemenjadian generasi pelapis yang akan membangunkan negara. Justeru pengalaman pembelajaran asas yang membentuk masa depan murid yang lebih cerah dan bermakna perlu diberi perhatian bermula di prasekolah. Dalam konteks ini, guru prasekolah perlu menguasai pelbagai kemahiran dan menggunakan pendekatan yang pelbagai dan berbeza untuk merealisasikan hasrat negara. Guru juga perlu memainkan peranan penting dalam mengenal pasti dan memupuk kecerdasan pelbagai murid (Qiu, 2024; Munajah & Supena, 2021). Pengetahuan dan pemahaman mereka tentang kecerdasan murid adalah bermakna dalam melaksanakan amalan pedagogi terbeza bagi memenuhi keperluan dan kebolehan unik setiap murid (Tomlinson, 2014).

Pedagogi terbeza merupakan pendekatan pendidikan yang menyesuaikan kaedah dan bahan pengajaran untuk menampung gaya pembelajaran dan kecerdasan yang pelbagai serta dapat menyediakan pengalaman belajar yang lebih baik dan meningkatkan potensi murid dengan lebih optimal (Nurwidiawati et al., 2024). Pendekatan ini mengubahsuai beberapa elemen untuk memenuhi keperluan individu murid yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan pedagogi terbeza bergantung kepada keupayaan guru untuk menilai dan bertindak balas dengan tepat merujuk kepada profil kecerdasan murid mereka (Darginaviciene, 2016). Guru perlu membimbing murid-murid berkembang dengan baik berdasarkan ciri-ciri dan potensi mereka (Mulyawati et al., 2022).

Konsep kecerdasan pelbagai, pertama kali dicadangkan oleh Howard Gardner, telah merevolusikan pemahaman tentang kebolehan kognitif manusia. Bidang pendidikan awal kanak-kanak, mengiktiraf dan memupuk kecerdasan pelbagai sebagai salah satu cara untuk meningkatkan perkembangan holistik dalam kalangan murid di peringkat awal (Muhajarah, 2022). Oleh itu sebagai kelompok yang bertanggungjawab menyediakan kualiti pendidikan awal kepada kanak-kanak, adalah perlu untuk guru menyelidiki serta memahami dan mengaplikasi kecerdasan pelbagai di prasekolah. Guru prasekolah seharusnya memiliki pengetahuan dan memahami tentang kecerdasan pelbagai murid untuk membuat strategi pengajaran yang lebih berkesan dan menyeronokkan sesuai dengan peringkat perkembangan murid. Pengajaran yang berkesan di prasekolah memerlukan lebih daripada kaedah tradisional di mana ia menuntut pendekatan yang boleh disesuaikan serta memenuhi pelbagai kekuatan kognitif setiap murid (Husaini et al., 2019).

Pemilihan strategi pengajaran turut dipengaruhi oleh pengetahuan guru termasuklah pengetahuan tentang kecerdasan pelbagai murid. Kepentingan kertas konsep ini adalah berkaitan penerokaan kecerdasan murid yang perlu diketahui dan difahami oleh guru prasekolah bagi menentukan pemilihan strategi pengajaran yang sesuai menggunakan pedagogi terbeza. Dengan meneliti cara guru memerhati dan mentafsir kecerdasan murid mereka memberi kesan terhadap amalan pengajaran (Gardner, 2006). Terdapat kajian yang

menggariskan keperluan untuk pembangunan profesional yang komprehensif dan sokongan berterusan untuk guru bagi membolehkan mereka melaksanakan pedagogi terbeza secara berkesan sejajar dengan profil kecerdasan pelbagai murid mereka (Inman et al., 2022; Guskey, 2002).

Kajian juga telah menunjukkan bahawa ketepatan pertimbangan guru dalam menilai ciri murid mereka adalah termasuk profil kecerdasan yang dipengaruhi oleh pemerhatian dan merujuk dapatan diagnostik mereka yang turut dipengaruhi oleh pemilihan pedagogi (Schnitzler et al., 2020). Hal ini menunjukkan bahawa kebolehan guru menilai dengan tepat ciri-ciri pelajar bukan sahaja berdasarkan pemerhatian dan alat diagnostik mereka tetapi juga dipengaruhi secara signifikan oleh kaedah pengajaran yang mereka pilih untuk dilaksanakan. Justeru pendekatan pedagogi terbeza merupakan kaedah yang sesuai dan mesra murid yang melihat kepada kepelbagaian dan keterbezaan murid di dalam kelas. Justeru kertas konsep ini adalah untuk meneroka tentang pengetahuan dan pemahaman yang perlu dimiliki oleh guru prasekolah mengenai kecerdasan murid mereka yang turut mempengaruhi strategi pengajaran menggunakan pedagogi terbeza. Perkara ini adalah sangat signifikan kerana pengetahuan dan pemahaman tentang kecerdasan pelbagai murid juga boleh membawa kepada perubahan positif dalam amalan pengajaran, guru dapat membuat refleksi pengajaran dan menyesuaikan penyampaian kurikulum berdasarkan kekuatan individu dan menampung kebolehan yang berbeza dalam pelajaran.

## **DAPATAN LITERATUR**

Pendidikan prasekolah adalah penting untuk perkembangan awal dan ia menyediakan pendidikan asas untuk pembelajaran sepanjang hayat dan pertumbuhan kognitif. Pelbagai konsep pedagogi diterapkan dalam persekitaran prasekolah untuk memupuk perkembangan fizikal, emosi, sosial dan intelek kanak-kanak. Kertas konsep ini meneroka tentang konsep pedagogi terbeza di samping pengetahuan yang perlu difahami oleh guru prasekolah tentang kecerdasan pelbagai murid untuk memantapkan lagi pelaksanaan pedagogi terbeza di prasekolah.

### **Konsep Pedagogi Terbeza di Prasekolah**

Pedagogi terbeza merupakan pendekatan yang melibatkan pengubahsuaian kandungan, proses, produk, dan persekitaran pembelajaran untuk memenuhi keperluan individu murid. Hal ini disebabkan murid-murid belajar dengan cara yang berbeza dan pada kadar yang berbeza yang menjadikan strategi pengajaran bersifat lebih fleksibel serta boleh disesuaikan dengan murid (Tomlinson, 2001; Ain Nur Atika Agus, 2021; Halida Jawan & Zamri Mahamod, 2021). Selain itu, pendekatan ini turut mengiktiraf bahawa murid prasekolah terdiri daripada pelbagai latar belakang, kemahiran dan gaya pembelajaran, dan ia bertujuan untuk menyediakan peluang pembelajaran yang saksama untuk semua (Algozzine & Anderson, 2007). Dalam konteks pendidikan prasekolah, pedagogi terbeza boleh membantu memupuk persekitaran pembelajaran yang positif dan menyokong perkembangan kognitif, sosial dan emosi setiap murid.

Pedagogi terbeza dalam pendidikan prasekolah melibatkan penyesuaian kaedah pengajaran untuk memenuhi pelbagai keperluan murid. Kajian menunjukkan bahawa melaksanakan strategi pembelajaran yang berbeza menyedarkan guru tentang perbezaan individu dalam kalangan murid serta membolehkan guru memahami keperluan pembelajaran khusus dengan berkesan (Hasibuan & Ningsih, 2023). Kajian juga menekankan kepentingan menyediakan

persekitaran pembelajaran yang menyokong dan memenuhi keperluan murid, serta menggalakkan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid dalam pendidikan rendah (Kanellopoulou & Darra, 2022). Hal ini adalah selari dengan elemen yang diterapkan dalam pedagogi terbeza yang juga sangat bersesuaian untuk diaplikasi di peringkat prasekolah. Tambahan pula, pengenalan pendekatan terbeza dalam melatih guru prasekolah di masa hadapan meningkatkan motivasi kognitif, sosial, profesional, dan nilai, bagi memastikan penglibatan aktif dalam proses pembelajaran (Kushnir, 2018). Sikap positif guru terhadap pengajaran terbeza menunjukkan potensi pelaksanaannya, walaupun cabaran seperti saiz bilik darjah dan kekangan masa mungkin menghalang pelaksanaan sepenuhnya (Demir, 2023). Oleh itu keperluan pelaksanaan pedagogi merupakan perkara yang perlu diberi perhatian memandangkan para pendidik boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dan dapat memenuhi keperluan unik setiap murid yang hadir ke prasekolah (Khakimovich & Rozmatovich, 2022).

Pelaksanaan pedagogi terbeza yang berkesan memerlukan guru untuk memahami elemen-elemen dalam pedagogi terbeza iaitu kandungan, proses, produk dan persekitaran. Pemahaman guru adalah penting bagi memudahkan guru untuk membuat pengubahsuaian sama ada ia melibatkan satu atau keempat-empat elemen semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengubahsuaian kandungan atau kandungan pelajaran yang berbeza kepada murid adalah pengubahsuaian yang paling sederhana, dan keperluan murid yang pelbagai dalam bilik darjah menentukan setiap pengubahsuaian yang dilaksanakan (Zurina Mustaffa et al., 2021). Oleh yang demikian, para pendidik mestilah mengetahui maksud dan kandungan elemen tersebut. Tafsiran keempat-empat elemen tersebut adalah seperti berikut:

i. elemen kandungan

Elemen kandungan memerlukan guru untuk menyesuaikan setiap perkara yang murid belajar. Melaraskan kandungan melibatkan penyesuaian kurikulum agar sepadan dengan peringkat perkembangan dan minat setiap murid. Hal ini melibatkan tindakan guru memudahkan idea yang kompleks untuk sesetengah murid atau menyediakan bahan yang lebih mencabar untuk murid yang lain. Menurut Tomlinson (2001) antara strategi yang boleh digunakan oleh guru adalah menggunakan kaedah tematik yang boleh dilaksanakan pada pelbagai tahap. Sebagai contoh pembelajaran tentang haiwan, aktiviti memberi tumpuan kepada nama dan bunyi haiwan asas boleh menjadi mudah untuk sesetengah pelajar manakala pembelajaran untuk murid yang sudah menguasai atau yang lebih maju melaksanakan aktiviti yang lebih mencabar seperti meneroka habitat dan rantai makanan haiwan. Selain itu guru boleh menyediakan pusat pembelajaran yang pelbagai untuk murid meneroka topik yang mereka minati. Contohnya, sudut sains dengan cermin mata pembesar dan serangga, atau sudut membaca dengan buku pada pelbagai peringkat bacaan. Guru juga boleh menyediakan tugas secara berperingkat seperti menyediakan tugas yang berbeza pada topik yang sama mengikut tahap kesukaran. Contohnya, semasa belajar tentang bentuk, sesetengah murid mungkin berusaha mengenal pasti bentuk asas, manakala yang lain mungkin meneroka konsep yang lebih kompleks seperti simetri. Secara rumusannya guru perlu menyediakan kandungan mengikut tahap dan keperluan murid (KPM, Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2022)

ii. elemen proses

Mempelbagaikan proses melibatkan pengubahsuaian cara pengajaran disampaikan dan aktiviti yang digunakan untuk membantu murid memahami pembelajaran tersebut. Hal ini turut memerlukan guru untuk mengenal pasti cara murid mereka belajar. Ini termasuk menggunakan

kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang berbeza untuk memenuhi gaya pembelajaran kecerdasan murid yang pelbagai. Justeru itu, hal ini menuntut guru untuk mengetahui dan memahami kecerdasan pelbagai murid bagi memenuhi keperluan tersebut. Menurut Bredekamp dan Joseph (2023), antara strategi yang boleh guru gunakan adalah membuat aktiviti berkumpulan yang fleksibel iaitu membentuk kumpulan berdasarkan keperluan semasa mereka dan ianya boleh berubah dari semasa ke semasa. Kumpulan kecil ini boleh melaksanakan tugas yang berbeza yang sesuai dengan kebolehan dan minat mereka. Selain itu, guru juga boleh membuat aktiviti yang melibatkan pelbagai deria iaitu aktiviti yang menggunakan pelbagai deria untuk memenuhi gaya pembelajaran yang berbeza. Contohnya, menggunakan muzik dan pergerakan, eksperimen sentuhan tangan serta penggunaan alat bantu visual. Menurut Bredekamp dan Joseph (2023) lagi, guru juga perlu menggunakan kaedah *scaffolding* iaitu dengan memberikan sokongan sementara kepada murid semasa mereka mempelajari konsep baharu. Hal ini melibatkan membahagikan tugas kepada langkah yang lebih kecil, menggunakan alat bantuan visual atau memberi gesaan secara lisan.

### iii. Elemen produk

Pengubahsuaian elemen produk melibatkan cara yang berbeza untuk murid menunjukkan apa yang telah mereka pelajari. Hal ini membolehkan murid menggunakan kekuatan dan minat mereka untuk menunjukkan pemahaman mereka terhadap perkara yang telah dipelajari (Gartrell, 2017). Guru boleh menyediakan pelbagai pilihan untuk murid menunjukkan pembelajaran mereka. Sebagai contoh, selepas belajar tentang tumbuhan, murid mungkin memilih untuk melukis gambar, mencipta model atau bercerita tentang tumbuhan. Selain itu, guru boleh membuat ekspresi kreatif dengan menggalakkan murid menggunakan seni, muzik, drama atau membina bangunan blok kayu untuk menunjukkan apa yang telah mereka pelajari. Hal ini membolehkan murid menggunakan mod ekspresi pilihan mereka. Di samping itu juga guru boleh meminta murid menghasilkan portfolio iaitu dengan mengumpul pelbagai sampel kerja dari semasa ke semasa untuk menunjukkan kemajuan mereka seperti lukisan, tulisan, gambar projek dan pemerhatian guru. Justeru itu, dapat difahami bahawa elemen ini merujuk kepada tindakan guru membezakan produk dengan memberikan bahan yang berbeza mengikut kecenderungan pembelajaran seperti kesediaan belajar, minat dan profil pembelajaran murid (KPM, Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2022)


### iv. Elemen persekitaran

Dalam pedagogi terbeza, elemen persekitaran merujuk kepada konteks fizikal, sosial, dan psikologi di mana pembelajaran itu berlaku. Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran yang berbeza adalah penting bagi menangani pelbagai keperluan murid prasekolah. Dengan kata lain ia adalah persekitaran yang disediakan dan memberi fungsi kepada pembelajaran murid di dalam kelas (KPM, Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2022). Guru prasekolah seharusnya bijak menyediakan persekitaran fizikal termasuk susun atur bilik darjah, sumber dan bahan untuk digunakan oleh murid semasa proses pembelajaran berlangsung. Ruang fizikal yang teratur dan fleksibel boleh meningkatkan pembelajaran dan menyokong pelaksanaan pedagogi terbeza. Hal ini kerana ruang pembelajaran yang fleksibel dan boleh disusun semula dengan mudah, memberikan guru kebebasan untuk menyesuaikan susunan ruang agar sejajar dengan objektif pendidikan dan pelaksanaan pedagogi terbeza (Sofkova Hashemi & Hipkiss, 2022). Selain itu susunan bilik darjah yang mempunyai pelbagai pusat pembelajaran turut memenuhi aktiviti dan gaya pembelajaran murid yang berbeza berdasarkan kecerdasan mereka (Bredekamp & Joseph, 2023). Guru prasekolah juga seharusnya menyediakan persekitaran sosial yang melibatkan interaksi dan perhubungan dalam kalangan

murid dan antara murid dan guru. Persekitaran sosial yang positif memupuk semangat kemasyarakatan, kerjasama, dan saling menghormati dalam kalangan murid (Porter, 2020). Aspek emosi juga perlu diberi perhatian dalam elemen persekitaran kerana ia membantu murid berasa selamat, dihargai dan bermotivasi untuk belajar. Guru boleh memberikan sokongan dan galakan individu untuk membantu murid menghadapi cabaran dan membina keyakinan diri selain menggunakan pujian dan penguhan positif untuk meningkatkan motivasi dan membina keyakinan diri.

Rajah 1 di bawah menunjukkan elemen-elemen yang terdapat dalam pelaksanaan pedagogi terbeza (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Dalam pelaksanaan pedagogi terbeza pengetahuan dan kefahaman guru tentang keempat-empat elemen ini sangat memainkan peranan penting untuk keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana pengetahuan guru yang tinggi akan meningkatkan kemahiran guru menggunakan pendekatan ini (Kamar & Abdul Rani, 2024). Berdasarkan kefahaman tentang kehendak kurikulum, guru mempunyai idea untuk membuat pengubahsuaian merujuk kepada elemen pedagogi terbeza tersebut sama ada sebelum atau selepas pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (Halida Jawan & Zamri Mahamod, 2021). Pengubahsuaian yang dibuat oleh guru juga perlu mengambil kira keperluan murid dari segi kesediaan, minat dan profil murid (KPM, Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2022). Hal ini menunjukkan pengetahuan dan kefahaman guru tentang kecerdasan pelbagai murid perlu ditingkatkan kerana minat dan kebolehan mereka dapat dilihat melalui kecerdasan yang dimiliki oleh setiap individu murid. Oleh yang demikian ia turut membantu guru menyediakan aktiviti yang bersesuaian dengan murid. Justeru itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merujuk kepada kecerdasan pelbagai murid ini akan lebih menarik malah mendorong mereka untuk terlibat dengan lebih aktif dalam sesi pembelajaran. Hal ini juga menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan dan bermakna di samping membantu murid untuk lebih memahami perkara yang dipelajari.

*Rajah 1 Elemen Pedagogi Terbeza*



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2022)

### **Kecerdasan Pelbagai Murid dalam Pelaksanaan Pedagogi Terbeza**

Pendidikan di peringkat prasekolah turut mementingkan kecerdasan pelbagai murid bagi memupuk pembelajaran yang menyeluruh serta berkesan dan bermakna. Pelbagai jenis kecerdasan dalam kalangan murid prasekolah perlu diterokai oleh guru prasekolah di samping memahami kecerdasan ini untuk meningkatkan amalan pedagogi terbeza. Teori kecerdasan pelbagai adalah aspek penting dalam pendidikan prasekolah yang memfokuskan kepada kepelbagaian aktiviti untuk memenuhi keperluan pelbagai murid yang turut menjadi fokus

kepada pelaksanaan pedagogi terbeza. Selain itu, kajian telah menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran bersepadu berasaskan kecerdasan pelbagai dalam pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam memaksimumkan potensi kanak-kanak (Mardiyah, 2023). Pendekatan bersepadu dan pedagogi terbeza merupakan pendekatan yang berpusatkan murid dan menekankan keperluan pelajar. Kedua-dua pendekatan ini menunjukkan kepentingan pemahaman dan pengetahuan guru tentang kecerdasan pelbagai murid untuk memahami keperluan, minat dan kebolehan murid.

Kajian oleh Luen et al., (2024) tentang perkembangan kecerdasan pelbagai murid melalui aktiviti bermain yang menyumbang kepada pertumbuhan holistik kanak-kanak memberi pendedahan kepada kepentingan faktor kecerdasan pelbagai murid dalam aktiviti di prasekolah. Oleh itu, melalui pengetahuan dan pemahaman guru tentang kecerdasan pelbagai murid memberi nilai tambah dalam pelaksanaan pedagogi terbeza di prasekolah. Tambahan pula, terdapat bukti yang menyokong penggunaan kelas yang diperkaya dengan amalan kecerdasan pelbagai dapat meningkatkan kecerdasan kanak-kanak serta turut menekankan kepentingan pendekatan pendidikan yang disesuaikan dengan kanak-kanak (Danaci & Dumenci, 2022). Oleh itu, tindakan mengoptimumkan pelbagai kecerdasan dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah penting untuk memupuk pembangunan holistik dan pembinaan sahsiah dalam kalangan murid prasekolah (Pasaribu et al., 2023). Hal ini juga menunjukkan keperluan tentang pengetahuan kecerdasan pelbagai dalam pelaksanaan pedagogi terbeza yang berkesan dan bermakna.

Teori kecerdasan pelbagai, yang dicadangkan oleh Howard Gardner (1983), mengenal pasti lapan kecerdasan yang kemudiannya dikembangkan kepada sembilan bidang kecerdasan yang berbeza iaitu linguistik, logik-matematik, spatial, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal, naturalistik, dan kecerdasan eksistensial (Casper & Theilheimer, 2010). Teori Gardner merevolusikan pandangan tradisional tentang kecerdasan dengan menekankan bahawa individu memiliki kekuatan kognitif yang pelbagai melebihi apa yang diukur oleh ujian IQ (Cavas & Cavas, 2020; Said & Munir, 2022; Syarifah, 2019). Teori ini telah memberi impak yang ketara kepada pendidikan, yang membawa kepada pembangunan model pengajaran yang inovatif yang memenuhi perbezaan individu dan menggalakkan pengalaman pembelajaran berbeza mengikut kesesuaian murid (Duan, 2023). Melaksanakan teori kecerdasan pelbagai dalam pendidikan telah menunjukkan kesan positif terhadap pembelajaran mendalam, meningkatkan suasana pembelajaran yang positif, membantu guru membuat strategi pengajaran, pembelajaran kolaboratif, dan kaedah penilaian yang lebih adil (Chen, 2020). Dengan mengenali dan memupuk kecerdasan yang pelbagai ini, para pendidik boleh menyesuaikan kaedah pengajaran mereka menggunakan pedagogi terbeza dengan lebih baik untuk menyokong gaya pembelajaran dan kebolehan unik setiap murid.

Pengetahuan tentang kecerdasan pelbagai murid berdasarkan teori Kecerdasan Gardner memainkan peranan penting dalam melaksanakan pedagogi terbeza dalam pendidikan prasekolah. Hal ini kerana melalui pengetahuan ini membolehkan pengajaran disesuaikan untuk memenuhi gaya pembelajaran dan keperluan murid yang pelbagai. Dengan memasukkan teori kecerdasan pelbagai ke dalam amalan pendidikan, pendidik boleh mereka bentuk aktiviti yang menyasarkan pelbagai kecerdasan, seperti verbal-linguistik, logik-matematik, kinestetik, visual-spatial, muzik, interpersonal, intrapersonal, dan naturalistik (Lumei & Turda, 2022; Anggoro et al., 2024). Pendekatan ini memupuk persekitaran pembelajaran berpusatkan murid dan dapat meningkatkan motivasi mereka untuk pembelajaran sepanjang hayat di samping dapat mengoptimumkan potensi mereka untuk kejayaan dalam akademik (Lumei & Turda, 2022; Anggoro et al., 2024). Selain itu, aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pendidikan

prasekolah telah mewujudkan suasana pembelajaran yang menggembirakan dan bermakna, di mana pelajar secara semula jadi boleh mengembangkan kecerdasan dan menguasai konsep yang dipelajari dengan berkesan, terutamanya dalam mata pelajaran seperti sains (Anggoro et al., 2024). Secara keseluruhannya, pengintegrasian teori kecerdasan pelbagai dalam pedagogi terbeza di prasekolah terbukti sebagai strategi yang berharga untuk menyediakan pengalaman pembelajaran individu murid serta dapat memaksimumkan penglibatan dan pencapaian murid.

Sembilan teori kecerdasan pelbagai, yang dicadangkan oleh Howard Gardner, telah memberi kesan yang ketara kepada pendidikan dengan merevolusikan persepsi tradisional tentang kecerdasan dan pembelajaran. Teori Gardner telah membawa kepada pendekatan yang lebih holistik dalam pendidikan dan teori ini menyedari bahawa setiap individu mempunyai kekuatan dan keupayaan yang unik dalam bidang kecerdasan yang berbeza (Fadhil & Prastiwi, 2024). Anjakan ini telah mempengaruhi amalan pedagogi dan menggalakkan para pendidik untuk menyesuaikan kaedah pengajaran untuk memenuhi kecerdasan pelbagai dalam kalangan murid (Said & Munir, 2022). Secara keseluruhannya, teori Gardner telah memperkayakan amalan pendidikan malah menyokong pedagogi terbeza bagi menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan murid dan memupuk perkembangan holistik murid (Fadhil & Prastiwi, 2024; Mieles et al., 2021). Jadual 1 berikut adalah senarai sembilan kecerdasan yang diperkenalkan oleh Howard Gardner (Casper & Theilheimer, 2010) :

Jadual 1

*Kecerdasan Pelbagai Murid yang Diperkenalkan oleh Howard Gardner (Gardner, 2006)*

Jenis Kecerdasan	Keupayaan dan Kebolehan Murid
Kecerdasan Linguistik	Kebolehan menggunakan bahasa dengan berkesan. Murid yang mempunyai kecerdasan linguistik yang tinggi mungkin cemerlang dalam bercerita, gemar membaca buku dan mempunyai perbendaharaan kata yang banyak.
Kecerdasan Logik-Matematik	Keupayaan untuk penaakulan logik dan penyelesaian masalah. Murid ini mungkin menunjukkan minat yang mendalam dalam teka-teki, corak dan permainan logik.
Kecerdasan Muzik	Berbakat dalam irama, bunyi dan muzik. Murid boleh mempamerkan kebolehan untuk menyanyi, bermain alatan dan mengenali corak muzik.
Kecerdasan Kinestetik Badan	Penggunaan tubuh seseorang untuk menyelesaikan masalah atau mencipta produk. Murid ini biasanya sangat aktif, menikmati aktiviti fizikal, dan belajar dengan terbaik melalui pengalaman praktikal.
Kecerdasan Spatial	Keupayaan untuk berfikir dalam imej dan gambar. Murid yang mempunyai kecerdasan spatial selalunya gemar melukis, membina blok dan menavigasi ruang.
Kecerdasan Interpersonal	Keupayaan untuk memahami dan berinteraksi secara berkesan dengan orang lain. Murid ini selalunya pandai berkomunikasi, memahami perasaan orang lain dan bekerja dengan baik dalam tetapan kumpulan.

*bersambung*



Jenis Kecerdasan	Keupayaan dan Kebolehan Murid
Kecerdasan Intrapersonal	Keupayaan untuk muhasabah diri dan memahami emosi dan motivasi diri sendiri. Murid ini mungkin mempamerkan kesedaran diri yang kuat, berdikari, dan pemahaman yang mendalam tentang emosi mereka sendiri.
Kecerdasan Naturalistik:	Keupayaan untuk mengenali dan mengkategorikan tumbuhan, haiwan, dan aspek alam semula jadi yang lain. Murid ini sering menunjukkan minat terhadap tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan meneroka alam semula jadi.
Kecerdasan Kewujudan ( <i>Existential</i> )	Kepekaan dan keupayaan untuk menangani persoalan mendalam tentang kewujudan manusia, seperti makna kehidupan, mengapa kita mati, dan bagaimana kita sampai di sini.

Guru prasekolah seharusnya meneroka tentang kecerdasan murid mereka kerana melalui pengetahuan tentang kecerdasan ini dapat membantu mereka untuk memahami pelbagai cara murid belajar berdasarkan kecerdasan mereka. Selain itu, ia juga dapat memudahkan perancangan guru dalam memilih strategi pengajaran yang berkesan dan dapat mewujudkan sesi pembelajaran yang lebih menyeronokkan menggunakan pedagogi terbeza.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, artikel ini menegaskan betapa pentingnya pendidikan awal kanak-kanak dalam membentuk generasi yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing. Pedagogi terbeza adalah salah satu pendekatan pengajaran yang sesuai digunakan dalam pendidikan prasekolah untuk memberi murid asas pembelajaran yang kukuh dan menyeluruh. Pelaksanaan pedagogi terbeza yang berkesan, memerlukan guru untuk memiliki pengetahuan mendalam tentang kecerdasan pelbagai murid di samping pengetahuan tentang pedagogi terbeza itu sendiri. Pengetahuan tersebut juga membolehkan guru untuk membuat pengubahsuaian sama ada dalam kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran semasa melaksanakan pedagogi terbeza. Justeru itu, guru prasekolah perlu diberi pendedahan mendalam tentang pelaksanaan pedagogi terbeza yang berkesan di samping ilmu berkaitan kecerdasan pelbagai murid bagi memenuhi keperluan murid yang membawa kepada pencapaian objektif secara optimum.

Pembangunan profesional yang komprehensif bagi guru untuk melaksanakan pedagogi terbeza secara berkesan harus merangkumi elemen seperti perancangan, penilaian awal, dan mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang memenuhi keperluan murid yang pelbagai (Inman et al., 2022). Penyeliaan akademik memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan pedagogi guru dalam membangunkan strategi pembelajaran yang berbeza (Satiri et al., 2024). Kajian menekankan keperluan program pembangunan profesional untuk mengukuhkan kecekapan guru dalam pelaksanaan pedagogi terbeza melalui sokongan dan latihan yang berterusan (Gheysens et al., 2020). Pedagogi terbeza memberi tumpuan kepada memaksimumkan kapasiti setiap murid dengan memenuhi keperluan, kebolehan, dan kemahiran individu mereka yang juga melibatkan kerjasama dengan ibu bapa, rakan sebaya, dan komuniti yang lebih luas untuk mewujudkan bilik darjah inklusif (Kancheli & Tchokhonelidze, 2023). Sokongan daripada pelbagai pihak dalam pembangunan profesional

boleh memperkasakan guru untuk melaksanakan pedagogi terbeza dengan berkesan dan menyokong murid yang pelbagai dalam mencapai tahap perkembangan yang lebih tinggi.

Pengetahuan dan keupayaan guru memahami kecerdasan pelbagai murid prasekolah menonjolkan keperluan pedagogi terbeza dalam pendidikan awal kanak-kanak. Dengan mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid, para pendidik boleh mengoptimumkan hasil pembelajaran dan memupuk persekitaran pendidikan yang lebih berkesan. Penyelarasan amalan pengajaran dengan pengetahuan dan pemahaman yang mendalam tentang kecerdasan murid bukan sahaja meningkatkan prestasi akademik tetapi juga menyumbang kepada perkembangan holistik setiap murid (Gardner, 2006; Tomlinson, 2014; Destriani & Warsah, 2022).

Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pedagogi terbeza di prasekolah, program latihan dan sokongan berterusan perlu disediakan kepada guru. Hal ini termasuk pendedahan yang lebih mendalam tentang prinsip-prinsip pelaksanaan pedagogi terbeza serta strategi untuk mengenal pasti kecerdasan pelbagai murid. Selain itu, kajian ini menekankan perlunya penyediaan sumber yang mencukupi dan kerjasama antara guru, ibu bapa, serta komuniti untuk membentuk persekitaran pembelajaran yang berkesan dan bermakna.

Kesimpulannya, pengetahuan dan pemahaman guru tentang konsep pedagogi terbeza dan kecerdasan pelbagai murid adalah elemen penting dalam pelaksanaan pedagogi terbeza di prasekolah. Pendekatan yang berpusatkan murid ini jelas menyokong perkembangan kognitif, sosial, dan emosi murid dengan lebih efektif dan menjadikan pendidikan awal kanak-kanak satu pengalaman yang bermakna dan menyeronokkan, serta menyumbang kepada pembentukan generasi yang lebih berkualiti.

## RUJUKAN

- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah sesame tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 11(1), 75-87.
- Algozzine, B., & Anderson, K. M. (2007). Tips for Teaching: Differentiating Instruction to Include All Students. *Preventing School Failure: Alternative Education for Children and Youth*, 51(3), 49-54.
- Anggoro, S., Fitriati, A., Thoe, N. K., Talib, C. A., & Mareza, L. (2024). Differentiated Instruction Based on Multiple Intelligences as Promising Joyful and Meaningful Learning. *International Journal of Evaluation and Research in Education ISSN, 2252(8822)*, 1195
- Bredekamp, S., & Joseph, G. E. (2023). *Effective Practices in Early Childhood Education: Building a Foundation*. Pearson. One Lake Street, Upper Saddle River, New Jersey 07458.
- Casper, V., & Theilheimer, R. (2010). *Introduction to Early Childhood Education: Learning Together*. McGraw-Hill Higher Education.
- Cavas, B., & Cavas, P. (2020). Multiple Intelligences Theory—Howard Gardner. *Science Education in Theory and Practice: An Introductory Guide to Learning Theory*, 405-418.
- Chen, Q. (2020). Research on the Reform of Educational Management from the Perspective of Multiple Intelligences Theory. In *Proceedings of the 2020 International Conference on Computers, Information Processing and Advanced Education* (pp. 500-503).
- Danaci, M. O., & Dumenci, S. S. B. (2022). The Consistency of the Teele Multiple Intelligence Inventory (TIMI) Scale with Children's Preferences in Investigating the Intelligence Areas of Preschool Children. *South African Journal of Education*, 42(1).
- Darginaviciene, I. (2016). Multiple Intelligences Profiles: Students Versus Teachers. *Education in a Changing Society, 1*, 57-63.
- Demir, S. (2023). Preschool and Primary School Teachers'views on Differentiated Instruction. *International*

- Journal of Education Technology & Scientific Researches*, 8(24).
- Destriani, D., & Warsah, I. (2022) Teacher Strategy Deep Develop Intelligence Linguistics Student. *Belajea: Jurnal Pendidikan Islam*, 7(2), 135-148.
- Duan, Y. (2023). Discussion on the Construction of College English Teaching Model Based on Multi-intelligence Theory. *International Journal of New Developments in Education*, 5(9).
- Fadhil, M., & Prastiwi, Y. (2024). Indicators of Multiple Intelligence Theory in the Karate Kid Movie (2010): Psychology Education. *Language Literacy: Journal of Linguistics, Literature, and Language Teaching*, 8(1), 244-255.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. Basic Books.
- Gardner, H. (2006). *Multiple Intelligences: New Horizons in Theory and Practice*. Basic Books.
- Gartrell, D. (2017). *Guidance for Every Child: Teaching Young Children to Manage Conflict*. Redleaf Press. 10 Yorkton Court, St. Paul, MN 55117-1065.
- Gheysens, E., Consuegra, E., Engels, N., & Struyven, K. (2020). Good Things Come to Those Who Wait: The Importance of Professional Development for the Implementation of Differentiated Instruction. In *Frontiers in Education* (Vol. 5, p. 96). Frontiers Media SA.
- Guskey, T. R. (2002). Professional Development and Teacher Change. *Teachers and Teaching*, 8(3), 381-391.
- Halida Jawan, & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan Cabaran Pengajaran Terbeza dalam Meningkatkan Penguasaan Membina Ayat Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67-77.
- Hasibuan, R. H., & Ningsih, A. D. (2023). Analysis of Independent Curriculum Based on Differentiated Learning Early Childhood Education Level. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 7(6), 7843-7850.
- Husaini, R., Ikhsan, Z. and Toran, H. (2019) A Comprehensive 21st Century Child Development through Scientific Process in Early Science. *Creative Education*, 10, 2784-2795.
- Inman, T. F., & Roberts, J. L. (2022). Effective Differentiation for Continuous Progress. In *Introduction to Gifted Education* (pp. 243-265). Routledge.
- Kamar, K., & Abdul Rani, I. F. (2024). Pengetahuan dan Kemahiran Guru Prasekolah dalam Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Terbeza. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 82-93. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.8.2024>
- Kancheli, N., & Tchokhonelidze, N. (2023). Modern Challenges of Differentiated Teaching. *Language and Culture*.
- Kanellopoulou, E. M., & Darra, M. (2022). Pedagogical Differentiation in Primary Education: Conceptual Determinants and Definitions. *International Education Studies*, 15(2), 138-148.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Modul Pedagogi Terbeza*. Putrajaya : Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Khakimovich, K. S., & Rozmatovich, U. S. (2022). Regional Problems of Differentiated Physical Education of Preschool Children. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 22(15).
- Kushnir, S. (2018). Differentiated Assignments as the Learning Activity Motivating Factor in the Training of Future Preschool Teachers. In *Society. Integration. Education. Proceedings of the International Scientific Conference* (Vol. 1, pp. 291-305).
- Luen, L. C., Guo, Y., & Jian, L. (2024). Engaging Play and Toys Foster the Development of Multiple Intelligence in Preschool Children. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*, 14(2), 2155-2162.
- Lumei, C., & Turda, E. S. (2022). The Role of Theory Multiple Intelligences in Primary Education Process. *European Proceedings of Educational Sciences*.
- Mardiyah, L. (2023). Pembelajaran Terintegrasi Berbasis Kecerdasan Majemuk Pada Anak Usia Dini. *Jurnal Pendidikan, Sains Sosial, dan Agama*, 9(1), 43-55.
- Mieles, G., Soledispa, E. J. S. A., & Figueroa, F. M. M. (2021). Multiple Intelligences and its Pedagogical Impact on the Teaching-Learning Process. *Journal of Social Transformation and Education*, 2(1), 1-9.
- Muhajarah, K. (2022). Beragam Teori Kecerdasan, Proses Berpikir dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Pendidikan, Sains Sosial, dan Agama*, 8(1), 116-127.
- Mulyawati, Y., Zulela, M. S., & Edwita, E. (2022). Differentiation Learning to Improve Students Potential in Elementary School. *Pedagonal: Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 6(1), 68-78.
- Munajah, R., & Supena, A. (2021). Strategi Guru dalam Mengoptimalkan Kecerdasan Majemuk di Sekolah Dasar. *Muallimuna: Jurnal Madrasah Ibtidaiyah*, 7(1), 15-32.
- Nurwidiawati, D., Dhini, D. A., & Patras, Y. E. (2024). An implementation of Primary School Differentiated Learning. *DIKODA: Jurnal Pendidikan Sekolah Dasar*, 5(01), 24-45.
- Pasaribu, A., Harahap, P. R. M., Siregar, R. L., Mardiah, S. A. R., Mawaddah, T. A., & Sitorus, M. (2023). Optimalisasi Kecerdasan Majemuk Anak Usia Dini dengan Permainan Tradisional Batu Serimbang Usia 5-6 Tahun di RA Kurnia 2 Marelau. *Journal on Education*, 5(2), 2266-2274.
- Porter, L., (2020). *Young Children's Behaviour: Guidance Approaches for Early Childhood Educators*. Routledge.

- Qiu, T., (2024). Teaching Method in Primary and Secondary School Classrooms From the Theory of Multiple Intelligences. *Addressing Global Challenges-Exploring Socio-Cultural Dynamics and Sustainable Solutions in a Changing World*, 460-466.
- Rasul, S. G., Por, F. P., & Kanasin, T. (2023). Multiple Intelligence: Learning with Interactive eGuide Book for Enhancing Young Children's Intrapersonal and Interpersonal Intelligences. *Dinamika Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar*, 15(1), 46-56.
- Said, M., & Munir, M. M. (2022). Pembelajaran Bahasa Arab Berbasis Multiple Intelegency. *Fashohah: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Arab*, 2(2), 68-83.
- Satiri, S., Fathurrohman, M., & Yuhana, Y. (2024). Enhancement of Differentiated Learning Efficacy Via Academic Supervision in Senior High School Settings: A Comprehensive Optimization Approach. *Indonesian Journal of Educational Development (IJED)*, 4(4), 424-437.
- Schnitzler, K., Holzberger, D., & Seidel, T. (2020). Connecting Judgment Process and Accuracy of Student Teachers: Differences in Observation and Student Engagement Cues to Assess Student Characteristics. In *Frontiers in Education* (Vol. 5, p. 602470). Frontiers Media SA.
- Sin, H. A., & Hamid, A. H. A. (2024). Amalan Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar dan Implikasinya Terhadap Motivasi Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(2), 1-14.
- Sofkova Hashemi, S., & Hipkiss, A. M. (2022). Teaching in Flexible Spatial and Digital Conditions: Re-evaluating Teaching Designs in a Synergi Between Space, Actors and Resources. *Educare*, (1), 8-31.
- Syarifah, S. (2019). Konsep Kecerdasan Majemuk Howard Gardner. *Sustainable Jurnal Kajian Mutu Pendidikan*, 2(2), 176-197.
- Tomlinson, C. A. (2001). *How to Differentiate Instruction in Mixed-Ability Classrooms*. Alexandria, VA: ASCD.
- Tomlinson, C. A. (2014). *The Differentiated Classroom: Responding to the Needs of All Learners*. ASCD.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Pedagogi Terbeza untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaian Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(9), 202-214.